

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial (SAPSP)
Sent: Sunday, 17 April, 2016 3:23 PM
To: UUM - All Staff; UUMstudgroup
Subject: SAPSP TERIMA SIJIL PENGIKTIRAFAN ANTARABANGSA (SIJIL ASEAN UNIVERSITY NETWORK - QUALITY ASSURANCE (AUN-QA)) DARIPADA NAIB CANSELOR UUM



Pusat Pengajian
Psikologi Gunaan, Dasar
dan Kerja Sosial
SCHOOL OF APPLIED PSYCHOLOGY,
SOCIAL WORK AND POLICY
Universiti Utara Malaysia



**“UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA”
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera

Y.Bhg Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan



SAPSP TERIMA SIJIL PENGIKTIRAFAN ANTARABANGSA (SIJIL ASEAN UNIVERSITY NETWORK – QUALITY ASSURANCE (AUN-QA)) DARIPADA NAIB CANSOLOR UUM

SAPSP Online: Pada 17 April 2016, Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial (SAPSP) telah menerima Sijil Pengiktirafan dari *Asean University Network - Quality Assurance (AUN-QA)* yang disampaikan oleh YBhg. **Prof. Dato' Seri Dr. Mohamed Mustafa Ishak, Naib Canselor UUM** di Bilik Senat Universiti.

Majlis penyerahan Sijil AUN-QA kepada SAPSP melalui Wakil Dekan, iaitu Dr. Md. Zawawi Abu Bakar (Ketua Jabatan) sambil diiringi oleh Pengarah IPQ, Prof. Madya Dr. Haim Hilman Abdullah dan disaksikan oleh wakil-wakil Dekan dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) lain. Penganugerahan ini adalah diterima sebagai mengiktiraf kualiti dan piawaian tinggi ke atas program **IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN KERJA SOSIAL DENGAN KEPUJIAN (BSWMGT.(HONS))** dalam penilaian ke atas program pengajaran, penyelidikan dan piawaian akademik yang telah dibuat dari 2-4 Jun 2015 yang lalu.

Dalam ucapan penghargaan Dekan SAPSP, **Prof. Madya Dr. Noor Azniza Ishak** berharap dengan kejayaan pensijilan AUN-QA ini, ianya akan terus menjadi agenda penting SAPSP dalam memastikan keakuran dalam piawaian kualiti program seterusnya menjadi inspirasi kepada seluruh warga SAPSP untuk bersama-sama memastikan kejayaan yang lebih gemilang di peringkat yang lebih tinggi. Beliau turut mengucapkan tahniah dan jutaan terima kasih kepada seluruh kakitangan akademik dan pentadbiran SAPSP, kakitangan pentadbiran PTJ utama universiti, wakil pelajar dan wakil alumni program yang telah memberikan kerjasama dan komitmen tinggi dalam menjayakan program penilaian AUN-QA yang lalu.

Ketua Jabatan SAPSP turut berharap program BSWMgt.(Hons) diharap dapat lebih berkembang ke peringkat yang lebih tinggi selaras dengan hasrat universiti untuk menjadikan UUM sebagai destinasi pengajian tinggi dalam bidang pengurusan yang utama dan meningkatkan pengiktirafan global sebagai sebuah universiti pengurusan terkemuka.

Dalam Majlis penyampaian Sijil AUN-QA tersebut, SAPSP turut meraikan Apresiasi Kejayaan UI Greenmetric yang telah diperolehi oleh UUM. Warga SAPSP turut berbangga dengan kejayaan universiti dengan pencapaian diiktiraf sebagai **universiti ke-44 terbaik dunia daripada 407 universiti** dalam aspek sumbangan dan wacana akademik tentang kehijauan kampus, dan usaha mendorong perubahan persekitaran kampus ke arah lebih mesra alam. Dengan kejayaan tersebut, perwakilan SAPSP komited untuk menjadi penyumbang kepada kecemerlangan universiti di dalam aspek yang sama pada masa akan datang.

Sekian.

School Of Applied Psychology, Social Work and Policy (SAPSP)

College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

Kedah

MALAYSIA

Phone : +60 (4) 928 5711/5717

Fax : + 60 (4) 928 5754

Email : sapsp@uum.edu.my

